

05 AUG 2002

Malaysia-Kyrgyz

KYRGYZ MINTA SOKONGAN MALAYSIA ADAKAN DIALOG ANTARA NEGARA OSCE DAN OIC

PUTRAJAYA, 5 Ogos (Bernama) -- Republik Kyrgyz hari ini meminta bantuan dan sokongan Malaysia bagi mengadakan satu dialog antara Negara-negara Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi menjalinkan kesefahaman mengenai Islam pada tahun depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata permintaan Kyrgyz itu dikemukakan semasa mesyuarat dua hala antara delegasi Kyrgyz yang diketuai Presidennya Askar Akayev dan delegasi Malaysia yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Akayev adalah dalam rangka lawatan dua hari di Malaysia. Sebelum ini, beliau telah menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang diadakan pada 1 hingga 4 Ogos lepas.

Syed Hamid berkata dialog yang dicadangkan itu ialah untuk menjalin kesefahaman antara negara-negara Islam dan Eropah.

"Kadangkala timbul salah faham mengenai Islam kerana kekurangan dialog dan kefahaman oleh orang barat dan Eropah mengenainya," katanya semasa memberi taklimat kepada media selepas mesyuarat kedua-dua negara itu.

Katanya OIC akan memilih tarikh yang sesuai untuk mengadakan dialog itu.

Syed Hamid berkata dalam mesyuarat delegasi itu, kedua-dua pemimpin telah mengadakan perbincangan mengenai perhubungan dua hala Malaysia-Kyrgyz dan isu antarabangsa.

Katanya kedua-dua pemimpin telah bertukar-tukar fikiran mengenai isu keganasan dan bagaimana untuk mengatasinya serta konflik Palestin-Israel.

"Presiden Kyrgyz juga bersetuju bahawa keganasan tiada sempadan dan tidak harus dikaitkan dengan mana-mana kaum dan agama," katanya.

Menteri Luar itu berkata Dr Mahathir dan Akayev juga telah membincangkan bagaimana hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Kyrgyz boleh ditingkatkan.

Beliau berkata Presiden Kyrgyz itu menganggap Malaysia sebagai negara contoh dan model pembangunan ekonomi negaranya malahan republik itu juga telah menggunakan cadangan Malaysia sebagai pelan pembangunan dan ekonomi 10 tahun negara itu.

Syed Hamid berkata pelan itu dikenali sebagai Pelan Ekonomi Dr Mahathir kerana ia dicadangkan oleh Malaysia.

Menurutnya kedua-dua pemimpin juga berjanji untuk meneruskan perhubungan yang sedia terjalin selain mengukuhkan hubungan yang sedia terjalin demi manfaat kedua-dua rakyat dan negara.

Presiden Kyrgyz itu turut melahirkan rasa puas hatinya dengan perjalanan Dialog Antarabangsa Langkawi yang menurutnya sesuatu yang bermanfaat berbanding Forum Ekonomi Dunia Davos kerana ia melibatkan negara-negara membangun bertukar-tukar pendapat untuk menjalin perkongsian pintar, katanya.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir juga menekan pentingnya Kyrgyz mempunyai dasar yang konsisten serta suasana dan iklim pelaburan yang baik bagi menggalakkan pelaburan asing di negara itu.

Dr Mahathir berjanji akan menggalakkan lebih ramai usahawan Malaysia melabur di Kyrgyz dan berharap sebarang perjanjian kerjasama dan ekonomi antara kedua-dua negara sentiasa dihormati.

Syed Hamid berkata Malaysia turut bersetuju untuk melatih pegawai dan kakitangan Kyrgyz melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Katanya satu penerbangan terus yang menghubungkan Bishkek dan Kuala Lumpur akan diadakan mulai esok berikutan usahasama syarikat Malaysia, Safuan Group, dan Kyrgyz Republic International Airlines.

-- BERNAMA

HS RV NAK